

# Kumpulan pertama pekerja sosial perkara Pertapis

Pengarah Eksekutif Pertapis alu-alu kehadiran 'kumpulan baru' ini yang bawa perspektif baru



**INGIN TINGKATKAN PERTUBUHAN:** Encik Abdul Wahab (*atas*) ingin membina sebuah pasukan pekerja sosial dalam Pertapis untuk meningkatkan badan itu serta khidmat yang ditawarkannya. – Foto-foto BH oleh TIMOTHY DAVID

MEREKA mempunyai pengalaman dalam bidang yang berbeza dan dilengkapi dengan pelbagai kemahiran.

Namun dek terdorong minat yang sama – iaitu untuk berbakti kepada masyarakat – mereka mengambil keputusan mengikuti Program Penukaran Profesional bagi Pekerja Sosial (PCP SW) bagi menyertai sektor perkhidmatan sosial.

Mereka turut menyertai Persatuan Taman Pengajian Islam Singapura (Pertapis) di bawah PCP SW sejak Julai 2017 untuk berkhidmat sebagai pegawai kes.

Selepas selesai menjalani program itu tahun ini, mereka bakal bergelar pekerja sosial dan akan menjadi kumpulan pekerja sosial pertama Pertapis.

Mengalu-alukan bakat baru dalam badan Melayu/Islam itu, Pengarah Eksekutif Pertapis, Encik Abdul Wahab Hussein, berkata PCP SW merupakan satu wadah yang baik kerana program itu bantu membangunkan pekerja sosial yang dapat berkhidmat dalam pertubuhan seperti Pertapis.

Dengan pengalaman mereka yang berbeza, Encik Abdul Wahab berkata mereka juga membawa perspektif yang baru kepada Pertapis.

“Mereka baru sahaja menyertai kami, jadi kami belum dapat melihat perubahan besar tetapi saya nampak mereka sudah mula memperkenalkan program dan sebagainya.

“Tentunya kami dapat melihat bagaimana mereka menambah nilai kepada pertubuhan kami. Dengan minat dan kepakaran mereka, saya yakin mereka juga dapat mendorong dan membantu benefisiari kami,” ujarnya.

Tambahnya, Pertapis tidak mempunyai pekerja sosial sekarang ini namun beliau berharap dapat membina satu pasukan pekerja sosial berdaftar dengan empat peserta PCP SW yang menyertai badan itu sebagai permulaan.

Sebelum ini, Pertapis hanya mempunyai pegawai atau pengurus kes yang antara lain mempunyai kelayakan dalam bidang psikologi dan kaunseling.

Encik Abdul Wahab berkata tiga kakitangan Pertapis yang mempunyai kelulusan dalam bidang lain seperti kaunseling dan psikologi juga kini sedang mengikuti PCP SW kerana mereka berminat untuk berkhidmat sebagai pekerja sosial.

“Khidmat pekerja sosial ini diperlukan supaya kami juga dapat meningkatkan badan kami.

“Selain itu, kehadiran mereka dalam badan kami juga dapat meningkatkan ibu bapa yang anak mereka merupakan penghuni di rumah kebajikan kami, masyarakat serta badan korporat yang memberi tajaan,” ujarnya.

Agensi Tenaga Kerja Singapura (WSG) bekerjasama dengan Majlis Khidmat Sosial Kebangsaan (NCSS) dan Universiti Sains Kemasyarakatan Singapura (SUSS) untuk menawarkan PCP SW bagi menyokong karyawan pertengahan kerjaya yang ingin menimba ilmu dan kemahiran yang diperlukan untuk berkhidmat sebagai pekerja sosial.

Mereka yang berjaya mengikuti program itu boleh berkhidmat sebagai pekerja sosial atau pekerja sosial perubahan di pelbagai pertubuhan termasuk hospital, pusat khidmat keluarga, sekolah pendidikan khas, pusat belia dan rumah kebajikan.

Selepas selesai menjalani program itu juga, peserta akan mendapat penauliahian daripada Persatuan Pekerja Sosial Singapura (SASW) sebagai pekerja sosial.

Pemohon harus dipilih oleh majikan yang menyertai program itu untuk mengikuti PCP SW.

Sepanjang program pula, mereka boleh meraih pengalaman bererti belajar di bilik darjah sambil menjalani sesi praktikum di tempat kerja.